

15 OCT 2001

Syed Hamid-Amerika

MALAYSIA BIMBANG SALAH GAMBARAN KEPADA ISLAM

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Malaysia bimbang mengenai gambaran salah yang diberikan kepada Islam dan jenayah benci yang dilakukan terhadap umat Islam ekoran serangan pengganas di Amerika Syarikat pada 11 Sept lepas, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Terdapat 500 orang Islam antara yang terbunuh dalam serangan itu dan tidak ada sebab bagi sesiapa memberi gambaran seolah-olah Islam menganjurkan keganasan, katanya kepada pemberita selepas mengadakan perbincangan dengan Wakil Perdagangan Amerika Syarikat Robert B. Zoellick di pejabatnya di sini.

Zoellick, anggota kabinet Presiden George W. Bush, turut mengunjungi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menyampaikan penghargaan pemimpin Amerika itu kepada Perdana Menteri yang telah menulis surat kepada Bush mengenai cara membanteras keganasan.

Pada 11 Sep lepas, lebih 5,000 orang terbunuh apabila pengganas menggunakan dua pesawat penumpang yang dirampas untuk merempuh dan meranapkan menara kembar World Trade Center di New York manakala sebuah lagi pesawat merempuh Pentagon di Washington pada 11 Sept lepas.

Kerajaan Amerika telah menuduh jutawan Arab, Osama bin Laden bertanggungjawab terhadap serangan itu. Ia kini melancarkan serangan udara terhadap Afghanistan kerana mendakwa kerajaan Taliban memberi perlindungan kepada Osama.

Syed Hamid berkata laporan media mengenai tunjuk perasaan di negara-negara Islam berpendirian sederhana bagi membantah serangan terhadap Afghanistan itu, tidak boleh digunakan oleh Amerika untuk menggugat kestabilan negara-negara ini.

"Gambar mengenai tunjuk perasaan secara aman, adalah sekadar meluahkan bantahan kepada kesengsaraan yang dihadapi rakyat Afghanistan atau terhadap tindakan Amerika mengebom orang tidak bersalah. Ini tidak boleh disalah ertikan sebagai menyokong Taliban," katanya.

Syed Hamid berkata bahawa dalam pertemuan dengan Zoellick itu, beliau melahirkan rasa bimbang terhadap langkah Amerika meluaskan tindakannya ke negara Asia Barat yang lain kerana sebarang keadaan tidak stabil di rantau itu akan memberi kesan buruk kepada politik dan ekonomi di negara-negara lain khusus di Asia Tenggara.

Katanya walaupun Malaysia terus bekerjasama dalam usaha antarabangsa menentang keganasan, ia khuatir tindakan ketenteraan oleh masyarakat dunia akan menyebabkan ramai yang terkorban.

Mengenai surat dicemari antraks, sejenis bakteria pembunuh, yang dihantar dari Amerika ke Malaysia dan kemudian dihantar balik ke Amerika, Syed Hamid berkata beliau membangkitkan mengenai perkara itu kepada Zoellick.

"Berita dan maklumat mengenainya yang tidak disahkan telah menimbulkan rasa bimbang di Amerika, dan ada kumpulan yang cuba meluaskannya ke negara lain.

"Liputan tidak tepat dan bersifat spekulasi seperti ini boleh menimbulkan rasa cemas. Kami memandangnya sebagai serius," katanya.

Minggu lepas, akhbar-akhbar Amerika dan agensi berita melaporkan bahawa sepucuk surat yang dihantar semula ke Amerika oleh vendor Microsoft Licensing Inc. di Reno, Amerika Syarikat, mengandungi kesan antraks.

Syed Hamid berkata Malaysia bukannya negara pengeluar antraks tetapi laporan oleh akhbar New York Times memberi gambaran surat itu dihantar dari

Malaysia.

"Surat itu sebenarnya datang dari Amerika yang dihantar ke sini tetapi vendor itu menghantarnya balik," katanya.

Beliau berkata pihak media tidak seharusnya menerbitkan berita yang memberi gambaran seolah-olah Malaysia mengeluarkan antraks atau menjadi sebahagian daripada gerakan pengganas dalam perang menggunakan bahan kimia.

-- BERNAMA

SR MFJ MAI